

15/07/2004

Jenazah Azizan dikebumi

PUTRAJAYA: Pengerusi Petronas, Tan Sri Azizan Zainul Abidin, yang meninggal dunia di kediamannya di sini selepas mengadu sesak nafas kira-kira jam 4.15 pagi semalam, selamat dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Taman Selatan, Putrajaya, petang semalam.

Allahyarham Azizan, 69, yang juga Presiden Perbadanan Putrajaya dan Pengerusi Penerbangan Malaysia, meninggalkan isteri, Puan Sri Noor Ainee Che Teh serta tiga anak, Amir Hamzah, 37; Datin Norizan, 34; dan Ikhwan Hamzah, 25.

Jenazah Allahyarham dibawa ke kediaman peribadinya di No 7, Bukit Segambut, Kuala Lumpur kira-kira jam 8 pagi. Selepas disembahyangkan selepas solat Zuhur, jenazah Allahyarham dibawa ke Masjid Putra, Putrajaya untuk disembahyangkan sebelum disemadikan di tanah perkuburan itu kira-kira 4 petang.

Jenazahnya dikebumikan di Tanah Perkuburan Islam Taman Selatan, Putrajaya itu dibuat atas permintaan Allahyarham ketika hayatnya.

Yang di-Pertuan Agong Tuanku Syed Sirajuddin Syed Putra Jamalullail yang berangkat tiba di Bukit Segambut jam 12 tengah hari, adalah antara ribuan orang kenamaan, perwakilan asing, tokoh korporat dan rakyat yang menziarah jenazah Allahyarham.

Sebelum itu, Sultan Perak, Sultan Azlan Shah, turut berangkat menziarahi jenazah Allahyarham, pegawai dan kakitangan awam dan tokoh korporat yang pernah berkhidmat sebagai Setiausaha Sulit kepada tiga Perdana Menteri sebelum ini.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, menziarah jenazah Allahyarham sebelum bergegas ke Putrajaya untuk mempengerusikan mesyuarat Kabinet. Antara kenamaan paling awal tiba di kediaman Allahyarham ialah Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Razak dan isteri, Datin Seri Rosmah Mansor, serta bekas Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad dan Tun Dr Siti Hasmah Mohd Ali.

Abdullah yang ditemui pemberita di Masjid Putra menyifatkan pemergian Azizan satu kehilangan kepada negara berikutan sumbangan besarnya kepada pembangunan, kemajuan dan perkembangan industri petroleum negara.

Sambil mengucapkan takziah kepada keluarga Allahyarham, Perdana Menteri berkata, Azizan yang terkenal dengan sifat gigih juga banyak berjasa kepada kerajaan ketika menyandang jawatan awam.

"Kita amat menghargai jasa yang begitu besar kepada negara dan ekonomi negara. Kita sangat berharap supaya keluarganya bersabar pada waktu ini dan kita berdoa kepada Allah SWT semoga rohnyanya dicucuri rahmat," katanya.

Perdana Menteri bersama beberapa Menteri Kabinet, Menteri Besar, tokoh korporat, kakitangan Petronas dan Perbadanan Putrajaya serta orang ramai, menyembahyangkan jenazah Allahyarham di masjid itu.

Sementara itu, Dr Mahathir ketika ditemui pada majlis perasmian pejabat baru agensi media TBWA-ISC di ibu negara, menyifatkan pemergian Azizan sebagai satu kehilangan besar kepada negara.

"Allahyarham pernah bekerja dengan saya dan dia seorang yang setia serta patuh kepada ketua. Kami berkawan rapat dan kematiannya membuatkan saya sangat merindunya," katanya.

Jenazah Azizan yang dibawa dengan van jenazah Perbadanan Putrajaya tiba di Masjid Putra kira-kira jam 3 petang dalam hujan lebat. Kira-kira 1,000 kakitangan Petronas dan Perbadanan Putrajaya serta orang ramai berada di masjid.

Selepas sembahyang yang diimamkan Imam Besar Masjid Putra, Datuk Sheikh Ismail Mohamad, jenazah Allahyarham dibawa ke tanah perkuburan di Taman Selatan, Presint 20 di sini dan dikebumikan kira-kira jam 4 petang.

Selain isteri, anak dan keluarga Allahyarham, turut mengiringi jenazah ke tanah perkuburan ialah Dr Mahathir dan Dr Siti Hasmah.

Menteri Pelajaran, Datuk Hishammuddin Hussein dan Menteri Kemajuan Luar Bandar dan Wilayah, Datuk Abdul Aziz Shamsuddin turut berada di tanah perkuburan.

Dr Mahathir yang kelihatan terlalu sedih dan sebak, tidak dapat menyatakan apa-apa apabila ditemui pemberita selepas upacara pengebumian itu.

Hishammuddin berkata, negara bukan saja kehilangan tokoh yang berjasa tetapi satu model kepada bangsa dan negara terutama generasi baru.

Sementara itu, Menteri Kerjaraya, Datuk Seri S Samy Vellu yang pernah bekerja dengan Azizan dalam beberapa projek besar pula menyifatkan Azizan sebagai pemimpin korporat yang "sangat merendah diri dan bersifat terus-terang".

(END)